

31 JUL 2000

LEAD Agong-Pahlawan

AGONG SEMPURNAKAN ISTIADAT LETAK KALUNGAN BUNGA HARI PAHLAWAN

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah berkenaan berangkat menyempurnakan istiadat meletak kalungan bunga di Tugu Peringatan Negara sempena Hari Pahlawan 2000 peringkat kebangsaan di sini hari ini.

Upacara dimulakan dengan tiupan bugle 'Last Post' dan penurunan bendera Jalur Gemilang.

Ini diikuti bacaan sajak 'Pahlawan' ciptaan Mejar (B) Mohamed Awang yang disampaikan oleh Juriah Jusoh dengan diiringi lagu 'PahlawanKu'.

Seri Paduka berkenan memulakan peletakan kalungan bunga di hadapan tugu dan diikuti Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Antara mereka yang meletakkan kalungan bunga ialah Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Mohamed Zahidi Zainuddin, Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai, Panglima Tentera Darat Jen Datuk Seri Mohamed Hashim Hussein, Panglima Tentera Laut Laksamana Datuk Seri Abu Bakar Abdul Jamal dan Panglima Tentera Udara Jen Datuk Seri Ahmad Saruji Che Rose.

Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia Datuk Mohamad Abdul Ghani dan Presiden Persatuan Bekas-bekas Polis Mansor Mohd Jaafar turut diberi penghormatan untuk meletakkan kalungan bunga di Tugu Negara.

Hari Pahlawan yang disambut 31 Julai setiap tahun diadakan bagi mengenang dan menghargai jasa pahlawan-pahlawan negara yang terkorban dan tercedera ketika mempertahankan kedaulatan, agama, bangsa dan negara.

Di ALOR SETAR, Sultan Kedah berkenan meletakkan kalungan bunga di Tugu Peringatan Jubli Perak sempena sambutan Hari Pahlawan 2000 peringkat negeri.

Upacara itu, yang diadakan dengan penuh istiadat diraja, turut dihadiri Raja Muda Kedah, Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain serta dif-dif kehormat.

Sebelum meletakkan kalungan bunga, baginda menerima perbarisan sembah "Hormat Diraja" daripada 119 anggota Briged Ke-6 Rejimen Askar Melayu DiRaja, Kepala Batas.

Turut meletakkan kalungan bunga ialah Raja Muda Kedah, Syed Razak, Panglima 6 Briged Datuk Mohamed Yusak Sulaiman, Komander Kolej Tentera Udara TUDM, Kepala Batas Brig Jen Mohamed Radzi Zainuddin, Ketua Polis Kedah Hairuddin Mohamed, Yang Dipertua Persatuan Bekas Perajurit Kedah Datuk Syed Omar Syed Mohamad dan Pengerusi Persatuan Bekas Polis Kedah Hashim Abdul Rahman.

Di PORT DICKSON, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan berkenan meletakkan kalungan bunga sempena sambutan Hari Pahlawan di tugu pahlawan Pusat Latihan Asas Tentera Darat (Pusasda).

Turut meletakkan kalungan bunga ialah Undang Luak Sungai Ujong Datuk Klana Petra Mubarak Dohak, Undang Luak Johol Datuk Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan Abdul Ali, Undang Luak Rembau Datuk Lela Maharaja Muhammad Sharif Othman, Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad dan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Mohd Ali Abdul Samad.

Terdahulu ketibaan baginda disambut oleh Mohamed Isa, Mohd Ali Panglima 1 Briged Brig Jen Datuk Shamsudin Abbas dan Ketua Polis Negeri Datuk Amirudin Embi.

Baginda kemudian memeriksa kawalan kehormatan dari Batalion 22 Rejimen Askar Melayu Diraja, Kem Rasah, Seremban yang terdiri daripada dua pegawai dan 104 anggota lain-lain pangkat diketuai Mej Ungku Azly Ungku Zahar.

-- BERNAMA

MN RP AKD